




Jalan Bangsar, Kuala Lumpur dipenuhi batu-batu dan lumpur selepas banjir mulai surut setelah ditenggelami air hampir seminggu.



ANGGOTA bomba menggunakan pemancut air membersihkan bangunan sepanjang jalan raya dalam gerakan membersihkan ibu kota selepas banjir pada 10 Januari 1971.



Banjir besar 1971 di sebuah perkampungan setinggan di Kuala Lumpur. Keadaan sekeliling dari atas bumbung sebuah rumah.

Adah anak na periuk

rumah saya yang
t ditenggelami air
s bumbung, apatah
n di Kampung
lah, rumah saya
dihanyutkan
ah jiran sebelah.
biasa apabila
di Kampung Baru,
ndana yang akan
sebab terletak di
h selain
minya berlekuk

erita Rohany
72, apabila
mbas semula
emaskan akibat
da 1971.

edian itu berlaku,
dia sedang
an anak keenam.
andungannya
ma bulan, secara
rti hendak

lain pula dihadapi Rohany.

"Kalau ikutkan saya tidak mahu balik kerana tidak sanggup melihat keadaan rumah. Kedudukan rumah saya dibetulkan semula dengan bantuan kakitangan Majlis Bandaraya Kuala Lumpur.

Beliau menambah, hampir semua barang di rumahnya seperti televisyen dan perabot rosak, manakala struktur rumah perlu dibaiki.

Lebih memeningkan kepalanya adalah proses untuk membersihkan rumah berikutan kesukaran mendapatkan air bersih.

"Selepas sebulan daripada kejadian itu, barulah saya kembali memasak di rumah kerana tidak tahan dengan bau masam dan busuk yang masih melekat akibat banjir tersebut.

"Disebabkan kami sekeluarga susah pada masa itu, termaksalah

ADA banyak pandangan disuarakan jika membicarakan kembali tentang kejadian banjir besar yang melanda ibu negara pada 1971.

Selain salah satu daripada fenomena alam, banjir besar itu dianggap sesetengah pihak mempunyai signifikan lain kepada 'kehidupan' kota dan warganya.

Anak jati Kampung Baru, Md. **Rathi Baharuddin**, 63, menyifatkan kejadian banjir yang menimpa ibu negara pada Januari 1971 itu sebagai menyucikan kembali Kuala Lumpur daripada tragedi 13 Mei 1969.



MD. RATHI
BAHARUDDIN

Malah, dia berpendapat bencana alam yang berlaku 42 tahun itu juga umpama hikmah tersembunyi kepada penduduk setempat yang selama itu diganggu

makhluk halus.

"Tempat ini (Kampung Hujung Pasir, Kuala Lumpur) dahulu berhantu, berpuaka disebabkan banyak kematian yang berlaku semasa tragedi berdarah tersebut.

"Apabila berlaku banjir tersebut, secara tidak langsung semua kawasan di ibu negara terutama Kampung Baru telah 'dibersihkan' daripada makhluk halus itu.

"Mana-mana kesan daripada tragedi 13 Mei itu yang masih terdapat di jalan-jalan juga turut hilang dibawa air dan lumpur.

"Sebab itu, saya beranggapan kejadian banjir itu sebenarnya



MD. Rathi menunjukkan paras air yang menenggelamkan rumahnya pada tengah malam, 5 Januari 1971 yang memaksa d sekeluarga berpindah ke pusat pemindahan banjir berdekatan.

memberi hikmah kepada warga kota," katanya ketika ditemui **S2** baru-baru ini.

Bercerita lanjut mengenai kejadian banjir tersebut, Md. Rathi berkata, itulah pengalaman pertamanya berdepan situasi banjir teruk sejak dilahirkan.

Jika kawasan rumahnya itu telah dinaiki air, itu bermakna pejabat-pejabat kerajaan yang terletak di tengah-tengah bandar terlebih dahulu telah ditenggelami air.

Dia yang berusia 21 tahun pada ketika itu berkata, keluarganya bersama penduduk kampung lain

telah diarahkan berpindah ke bangunan yang lebih tinggi setelah rumah mereka dinaiki air.

Air yang naik secara tiba-tiba pada tengah malam itu menyebabkan penduduk tidak sempat menyelamatkan harta benda dan dokumen-dokumen penting.

"Walaupun rumah saya dua tingkat, kami tidak dapat menyelamatkan barang-barang di bahagian bawah kerana tidak menyangka kawasan tersebut dinaiki air setelah sekian lama tidak mengalami bencana tersebut.

"Apabila berada di pusat pemindahan, kami terpaksa bergantung kepada bekalan makanan yang diberikan kerajaan kerana pada tahun 1970-an kami masih menggunakan kayu api untuk memasak.

"Malah, pada malam juga kami terpaksa duduk dalam keadaan gelap kerana tidak mempunyai lilin mahupun lampu minyak tanah disebabkan kejadian banjir yang berlaku di seluruh negara," katanya yang mengalami kerugian dianggarkan lebih daripada RM1,000.